

KEDIDI JARI PANJANG
Long-toed Stint

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Calidris subminuta*

CIRI-CIRI

Mempunyai leher yang panjang dan bahagian bawah paruh berwarna pudar. Semasa di luar musim membiak, bahagian atas badan berwarna coklat di mana bulu pada bahagian tengah berwarna hitam. Bahagian sisi tengkuk dan dada berwarna coklat bersih dengan jalur-jalur gelap yang jelas. Bahagian kaki berwarna coklat kekuningan hingga kehijauan (kadangkala berwarna kuning ke perang pudar) dengan jari kaki yang panjang. Semasa musim membiak, bahagian mahkota kepala berwarna kemerahan dengan jalur-jalur gelap manakala bahagian pinggir bulu bahagian atas badan dan tertier, mempunyai warna kemerahan yang jelas. Bahagian sisi tengkuk dan dada berwarna krim hingga kuning pucat serta terdapat jalur-jalur yang gelap (jalur pada bahagian dada sedikit pudar).

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 14 -16 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Paya air tawar, jelapang padi berair, kolam air masin, persisiran kolam tetapi jarang dijumpai di kawasan beting lumpur, selalunya di kawasan tanah rendah.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *kurrip* atau *chirup* yang lembut serta bunyi *prit* yang pendek.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Jun-Julai di mana sarang dibina di atas tanah yang di alas dengan daun-daun kering.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.